

Minda Pemikiran Inovatif dan Kreatif

Bagaimana kita dapat memecahkan kod kreativiti?

Apakah langkah dan latihan ketara yang boleh kita ambil untuk menjadi lebih berinovasi?

Pengenalan

Menjadi kreatif bermaksud seseorang sanggup memperluaskan persepsinya untuk mencari peluang yang tidak dilihat oleh kebanyakan orang. Kreativiti dan inovasi adalah kunci kepada pertumbuhan dan kejayaan dalam setiap organisasi. Prinsip asas untuk memecahkan kod kreatif adalah percaya bahawa 'Semua Orang adalah Kreatif', dan pemikiran kreatif ini merupakan kemahiran yang dapat dipelajari. Rangka pemikiran bahawa kita semua kreatif adalah satu-satunya cara untuk menonjolkan kuasa kreativiti dalam semua aspek kehidupan kita. Namun, kebanyakan orang dewasa yang bekerja tidak menganggap diri mereka sebagai orang yang kreatif.

Objektif Program

Tujuan program ini ialah:

- Membimbing pengurus dan pakar dengan pelbagai teknik pemikiran berinovasi mudah yang boleh digunakan untuk menghasilkan idea dan menyelesaikan masalah di tempat kerja.
- Menganalisis masalah dan peluang dalam kehidupan realiti.
- Membentuk peserta dalam mengutarakan idea dan kaedah penyelesaian berpotensi untuk dilaksanakan di tempat kerja.

Hasil Pembelajaran Am

Selepas melengkapkan program ini, para peserta akan dapat:

- Memahami mengapa sesetengah orang dapat berinovasi secara semula jadi dan bagaimana setiap orang dapat mengembangkan kemahiran kreatif dalam diri mereka
- Mempelbagaikan kaedah pemikiran secara kreatif dan inovatif, dan mengetahui cara dan teknik untuk menghasilkan idea dan menyelesaikan masalah
- Menerapkan kaedah dan cara untuk menghasilkan idea bagi penambahbaikan dalam bidang kerja peserta

Siapakah yang patut menyertai?

Senior eksekutif, eksekutif, bahagian pengurusan kanan dan sesiapa sahaja yang memerlukan kreativiti dan inovasi dalam menyelesaikan masalah.

Kaedah Penyampaian

Kajian kes, perbincangan, simulasi peranan, pembentangan, elemen reka permainan

Aturcara Program

Waktu	Hari Pertama
9.00 pagi– 10.30 pagi	Mengenalpasti Perbezaan antara Kreativiti & Inovasi Dalam sesi ini, peserta akan memahami kitaran inovasi yang merupakan penyumbang utama kepada kreativiti dan inovasi. Mitos mengenai kreativiti dan inovasi serta faktor menghalang kreativiti dan inovasi turut dikongsikan dalam modul ini. Selain itu, para peserta akan memahami mengapa minda pemikiran inovatif dan kreatif di tempat kerja adalah penting.
10.30 pagi-11.00 pagi	Rehat
11.00 pagi-1.00 tengahari	Neurosains dan Kuasa Minda Peserta akan mempelajari perkembangan terbaru tentang neurosains dan kuasa minda untuk transformasi. Peserta akan menjelajah dalam dunia baru yang tidak terbatas untuk kerjaya dan pertumbuhan organisasi yang pantas.
1.00 tengahari-2.00 petang	Makan Tengahari
2.00 petang-3.30 petang	Membentuk Corak Pemikiran dan Andaian Dalam modul ini, peserta akan menjalani latihan pemikiran kreatif. Peserta akan mengenal pasti portfolio kreativiti dan inovatif berserta skor. Kemudian, peserta akan mempelajari fungsi pemikiran otak kiri dan kanan. Latihan otak kiri dan kanan turut dijalankan untuk melatih koordinasi otak kiri dan kanan peserta.
3.30 petang-4.00 petang	Rehat
4.00 petang-5.00 petang	Membangunkan Kreativiti Dalam modul ini, peserta akan mempelajari kaedah dan teknik mudah untuk membangunkan kreativiti. Sesi praktikal dijalankan untuk membantu merangsang kreativiti dan inovasi peserta dalam

	menyelesaikan masalah. Kemudian, peserta akan belajar untuk mengenal pasti cara untuk membina pemikiran kreatif dan inovasi secara lebih mendalam lagi.
Waktu	Hari kedua
9.00 pagi– 10.30 pagi	Kaedah dan Cara untuk Menjana Idea Peserta akan mempelajari pelbagai kaedah untuk menjana fikiran inovatif dan kreatif seperti sesi melontarkan idea atau sesi pemikiran ‘blue-sky’, pemantulan idea, penyusunan kad atau bermain peta minda, pelekat nota atau teknik meta-perancangan. Selepas mempelajari kaedah ini, para peserta dapat mengenal pasti bilakah keadaan terbaik untuk menggunakan setiap teknik penghasilan idea.
10.30 pagi-11.00 pagi	Rehat
11.00 pagi-1.00 tengahari	Antara Pemikiran Logik dengan Pemikiran Lateral Pemikiran lateral tidak menggantikan pemikiran logik! Pemikiran lateral hanya membuat pemikiran logik teralih daripada satu jujukan kepada yang lain. Dalam sesi ini, peserta akan mengenali perbezaan antara pemikiran lateral dengan pemikiran logik. Peserta akan mempraktikkan cara menggunakan pemikiran lateral dan pemikiran logik untuk melengkapkan diri dengan inovasi dan kreativiti.
1.00 tengahari-2.00 petang	Makan Tengahari
2.00 petang-3.30 petang	Penyelesaian Masalah secara Kreatif dan Inovatif Dalam modul ini, peserta akan mempelajari teknik penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif. Peserta akan belajar bagaimana menggunakan senarai menyemak masalah, ‘go wild’ dan lima sebab. Kajian kes digunakan untuk menerapkan kreativiti dan inovasi bagi penyelesaian masalah berkaitan dengan pekerjaan.
3.30 petang-4.00 petang	Rehat
4.00 petang-5.00 petang	Tingkah Laku Manusia Kreatif dan Para Pereka Cipta Para pereka cipta terbaik di dunia ini sentiasa membuat pendekatan baru dalam melaksanakan kreativiti. Dengan mempelajari tingkah laku

	mereka, para peserta boleh mengabaikan pemikiran negatif ketika terlibat dalam masalah. Modul ini akan dapat mengubah para peserta supaya sentiasa berfikir secara mampan dalam kehidupan mereka.
--	---